

## BAB LIMA

### DAPATAN KAJIAN

#### 5.1 Persepsi remaja tentang rancangan - rancangan remaja di TV3

Hasil analisis data yang diperoleh, dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa remaja di luar bandar gemar menonton rancangan - rancangan remaja yang disiarkan oleh pihak TV3. Ini dapat dibuktikan apabila sejumlah 95.0 % remaja di luar bandar menyatakan rancangan remaja di TV3 sesuai ditonton. Malah melalui temu bual yang dijalankan mendapati remaja mengetahui apa bentuk format sesuatu rancangan remaja. Remaja juga dapat menerangkan hari dan waktu siaran rancangan remaja.

Ini menunjukkan kebanyakan remaja di luar bandar mempunyai persepsi yang positif terhadap rancangan - rancangan remaja yang disiarkan di TV3. Remaja di luar bandar dapat mengenal pasti dan menerima rancangan - rancangan remaja yang disiarkan di TV3. Ini bersetujuan dengan minat serta cita rasa mereka..

Maka pengaruh rancangan remaja di TV3 tersebut terhadap remaja di luar bandar adalah besar. Setiap perkara, unsur atau nilai yang dipaparkan di televisyen akan memberi implikasi yang besar terhadap remaja di luar bandar. Oleh yang demikian sebarang rancangan remaja yang hendak disiarkan perlulah dikaji, dinilai, ditapis serta dihalusi agar sesuai dengan kehendak, pemikiran, rohani serta tingkah laku remaja di negara ini. Maka penubuhan satu lembaga penapisan rancangan remaja di peringkat kebangsaan adalah langkah bijak

untuk menangani isu ini.

Selain daripada menonton rancangan remaja di TV3, remaja di luar bandar juga memilih rancangan - rancangan remaja yang hanya menarik minat mereka sahaja. Ini jelas apabila 91.7 % remaja di luar bandar akan memilih rancangan - rancangan remaja tertentu sahaja untuk ditonton. Melalui temu bual didapati remaja memilih rancangan - rancangan remaja kerana remaja tidak suka kepada beberapa rancangan remaja yang disiarkan oleh TV3. Ini kerana format rancangan remaja tersebut agak keterlaluan bagi remaja.

Ini jelas menunjukkan bahawa remaja di luar bandar tidak hanya menerima apa sahaja yang disiarkan di kaca televisyen. Remaja di luar bandar adalah bijak membezakan di antara rancangan remaja yang berkualiti atau sebaliknya. Golongan remaja adalah kelompok yang sememangnya boleh berfikir dan bertindak mengikut nilai serta norma yang baik. Apa yang perlu ialah sokongan, panduan dan pengiktirafan dari pihak orang dewasa untuk menciria mereka dalam satu masyarakat yang lebih besar.

Sementara itu hanya sebilangan kecil remaja di luar bandar, iaitu 3.3 % tidak mengambil peduli tentang rancangan remaja di TV3. Ini kerana remaja tersebut tidak berminat untuk menonton rancangan - rancangan remaja di TV3. Daripada maklumat temu bual yang dijalankan remaja tersebut tidak dapat menonton rancangan remaja di televisyen adalah kerana terpaksa melakukan aktiviti - aktiviti lain seperti menolong ibu bapa bekerja, di rumah tiada televisyen serta masalah keluarga yang menghalang remaja dari menonton televisyen di rumah.

## 5.2 Persepsi remaja tentang rancangan remaja yang diminati

Remaja di luar bandar pada umumnya menonton kebanyakan rancangan - rancangan remaja yang disiarkan oleh pihak TV3. Namun rancangan remaja yang paling diminati oleh remaja di luar bandar ialah rancangan RSB iaitu sejumlah 86.7 % remaja di luar bandar menyatakan mereka amat meminati rancangan RSB. Dari segi pilihan rancangan remaja pula, RSB mendapat 55.0 % responden remaja memilih rancangan ini sebagai pilihan pertama. Berbanding dengan rancangan remaja yang paling kurang diminati iaitu rancangan Pop Kuiz hanya sejumlah 15 % remaja di luar bandar meminati rancangan tersebut. Begitu juga dari segi pemilihan rancangan ini, hanya 3.3 % responden remaja memilih rancangan ini sebagai pilihan pertama.

Pemilihan rancangan RSB untuk ditonton oleh remaja di luar bandar adalah kerana remaja meminati format rancangan RSB. Berdasarkan kajian, remaja menyatakan mereka meminati rancangan tersebut kerana banyak memberi ilmu pengetahuan ( 66.7 %) terhadap remaja di luar bandar. Di samping itu pelbagai perkara - perkara baru ( 56.7 % ) didedahkan kepada remaja melalui rancangan RSB. Remaja juga menyatakan mereka meminati rancangan RSB kerana peristiwa atau kejadian yang berlaku kepada remaja yang dipaparkan dapat memberikan contoh dan tauladan ( 40.0 % ) terhadap remaja di luar bandar. Akhirnya rancangan remaja RSB yang diminati oleh remaja di luar bandar kerana dapat memberikan hiburan ( 50.0 % ) kepada remaja. Berdasarkan temu bual, remaja di luar bandar menganggap rancangan RSB adalah rancangan remaja yang terbaik dan harus diteruskan.

Sebaliknya rancangan remaja seperti Pop Kuiz kurang diminati oleh remaja di luar bandar kerana tidak ada unsur atau nilai positif yang boleh diikuti oleh remaja. Selain daripada hiburan, tiada sesuatu nilai yang baik boleh diperoleh oleh remaja ketika menonton rancangan ini. Berdasarkan temu bual yang dijalankan remaja tidak meminati rancangan ini kerana gelagat pengacara Pop Kuiz yang agak keterlaluan apabila mengendalikan rancangan tersebut.

Ini menunjukkan bahawa remaja di luar bandar bijak untuk menentukan rancangan remaja yang berformat bagaimana harus ditontoni. Mereka bukanlah golongan yang boleh disogokkan dengan sembarang rancangan remaja. Ini kerana golongan remaja juga merupakan manusia yang mempunyai jiwa, perasaan dan kehendak yang terbaik untuk diri mereka. Oleh itu sebarang rancangan remaja yang hendak disiarkan haruslah memikirkan tentang kepentingan dan keperluan remaja yang terbaik dan tidak sekadar untuk memenuhi syarat sahaja untuk disiarkan.

Selain itu rancangan - rancangan remaja lain juga kurang mendapat sambutan dari kalangan remaja di luar bandar. Contohnya rancangan bercorak hiburan seperti Melodi dan Sinaran Pasport Kegemilangan hanya mendapat 45.0 % dan 30.0 % remaja di luar bandar meminati rancangan - rancangan tersebut.

Melalui temu bual remaja meminati rancangan tersebut kerana ingin mengetahui perkembangan semasa tentang artis - artis tempatan dan sekadar untuk hiburan diri mereka. Ini menunjukkan bahawa remaja tidak begitu tertarik kepada rancangan - rancangan yang berbentuk hiburan.

Sungguhpun begitu, aspek hiburan ini tidak dapat lari daripada dunia remaja. Apa yang penting ialah bagaimana hendak menyalurkan unsur hiburan ini kepada remaja dalam bentuk yang lebih positif. Ini penting agar jiwa dan minda remaja yang dibentuk melalui rancangan - rancangan remaja akan dapat membezakan di antara hiburan yang memberikan kesan yang positif dengan hiburan yang negatif.

Bagi rancangan Teen Talk pula, kurang diminati oleh remaja di luar bandar, iaitu hanya 25.0 % remaja di luar bandar meminati rancangan ini.. Melalui temu bual remaja kurang meminati rancangan ini kerana menggunakan bahasa Inggeris. Kebanyakan remaja di luar bandar tidak fasih untuk berbahasa Inggeris malah tidak memahaminya. Oleh yang demikian adalah baik sekiranya terdapat rancangan remaja yang dapat mengajar remaja tentang kaedah penulisan dan pertuturan bahasa Inggeris. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan remaja di luar bandar.

### 5.3 Persepsi remaja tentang faedah menonton rancangan remaja di TV3

Pemilihan rancangan - rancangan remaja yang disiarkan adalah disebabkan remaja di luar bandar bijak dalam mengatur masa mereka untuk memastikan bahawa rancangan yang mereka tonton dapat memberikan sesuatu yang baik serta bersaerah kepada diri mereka. Sebab itulah didapati rancangan RSB dapat menarik audien yang ramai daripada kalangan remaja. Rancangan RSB dapat memberikan pelbagai manfaat seperti ilmu pengetahuan ( 66.7 % ), tauladan ( 40.0 % ) serta perkara - perkara baru ( 56.7 % ) dalam hidup remaja.

Ini menunjukkan remaja di luar bandar mempunyai persepsi yang positif terhadap rancangan remaja yang memberi faedah kepada diri mereka. Mereka berupaya mengenal pasti faedah - faedah yang diperoleh daripada setiap rancangan yang ditontoni.

Walaupun remaja di luar bandar berkeupayaan untuk memilih rancangan remaja yang banyak memberikan faedah pada diri mereka tetapi sebenarnya remaja di luar bandar tidak mempunyai banyak pilihan untuk menonton rancangan remaja yang berkualiti. Ini kerana kebanyakan rancangan remaja hari ini banyak menyelitkan unsur - unsur yang berbentuk hiburan. Muat atau tidak remaja telah disogokkan dengan pelbagai rancangan remaja yang berbentuk hiburan. Ini jelas daripada enam rancangan remaja yang dipilih untuk kajian hanya satu sahaja rancangan remaja yang tidak memaparkan unsur hiburan, selebihnya matlamat hiburan menjadi fokus utama setiap program remaja.

Apa yang perlu difikirkan oleh pihak TV3 ialah bagaimana rancangan - rancangan hiburan yang dipaparkan kepada remaja hendaklah diselitkan bersama unsur - unsur nasihat, tauladan, ilmu pengetahuan dan kepelbagaiannya maklumat yang berguna kepada remaja. Secara tidak langsung akan dapat mencerna pemikiran remaja supaya lebih reflektif, kreatif, fleksibel dan inovatif di samping dapat menerapkan nilai, norma, sikap serta peribadi yang menghargai diri remaja serta persekitaran mereka.

#### 5.4 Persepsi remaja tentang masa menonton

Remaja di luar bandar juga kerap menonton televisyen. Sebilangan besar remaja akan menonton rancangan - rancangan remaja di TV3. Ini terbukti

apabila 31.7 % remaja menonton sekurang - kurangnya 2 - 3 jam seminggu rancangan - rancangan remaja di TV3. Sementara 58.3 % remaja di luar bandar menonton rancangan - rancangan remaja dengan tiada had masa yang ditetapkan.

Ini menunjukan sebahagian besar remaja di luar bandar tidak mempunyai pengurusan masa yang cekap semasa menonton rancangan remaja di TV3. Maka adalah bijak jika ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mempastikan remaja mempunyai satu jadual yang khusus untuk menonton rancangan remaja yang berkualiti di TV3.

Begitu juga dengan pihak pengurusan TV3 agar dapat merancang serta menyusun dengan teliti setiap rancangan remaja yang disiarkan di TV3. Ini bertujuan untuk menjamin agar setiap masa menonton remaja dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Ini kerana selain daripada rancangan remaja berbentuk ilmu pengetahuan yang ditontoni oleh remaja terdapat juga rancangan seperti rencana ( 21.7 % ) dan sukan ( 16.7 % ) juga diminati oleh remaja di luar bandar.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa remaja juga mempunyai waktu - waktu yang tertentu untuk menonton rancangan - rancangan remaja di televisyen. Waktu yang dianggap sesuai bagi remaja ialah di antara waktu tengah hari hingga ke malam. Oleh yang demikian rancangan - rancangan remaja perlulah disesuaikan dengan waktu remaja ini. Dalam hal ini didapati kebanyakan rancangan - rancangan remaja banyak tertumpu pada waktu tengah hari dan petang.

Sebaliknya rancangan remaja tidak disiarkan pada waktu malam. Ini menyebabkan remaja tidak dapat menonton rancangan remaja di waktu malam. Kesannya terdapat remaja di luar bandar yang akan ‘melepak’ di luar rumah atau di tempat - tempat yang menjadi tumpuan remaja. Hal ini mungkin dapat dielakkan jika di televisyen ada menyiarkan rancangan - rancangan remaja yang dapat menarik minat mereka. Tentunya masalah ‘melepak’ serta aktiviti - aktiviti negatif lain sedikit sebanyak dapat dikurangkan terutamanya pada malam hujung minggu.

### 5.5 Persepsi remaja terhadap menonton televisyen di rumah

Secara umumnya remaja - remaja di luar bandar mahukan lebih banyak rancangan remaja ( 83.3 % ) yang pelbagai bentuk. Dari rancangan yang bercorak ilmu pengetahuan hingga ke rancangan yang mencabar minda mereka. Oleh itu kepelbagaiannya rancangan - rancangan remaja tentunya dapat menarik golongan remaja untuk menonton rancangan remaja di TV3.

Namun dalam menyediakan apa yang dikhendaki oleh remaja, perlulah ada batasannya, agar setiap rancangan - rancangan remaja yang disiarkan pada akhirnya dapat membentuk pemikiran, sikap dan tingkah laku positif di kalangan masyarakat remaja.

Sesuatu yang ketara daripada dapatan kajian ialah sejumlah 71.7 % remaja menyatakan mereka menonton televisyen adalah sekadar untuk menghilangkan rasa bosan duduk di rumah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan remaja menyatakan mereka tidak mempunyai lain - lain aktiviti yang hendak dilakukan semasa berada di rumah terutamanya jika remaja tidak ke

sekolah atau pada hari cuti persekolahan. Ini jelas di kalangan remaja perempuan yang sentiasa merasa terkongkong semasa berada di rumah.

Ini menunjukan bahawa kebanyakkan remaja tidak melakukan apa - apa aktiviti berfaedah semasa berada di rumah. Remaja hanya sekadar menghabiskan masa mereka dengan menonton televisyen setiap hari di rumah.

Sama ada mereka menonton untuk mendapatkan ilmu pengetahuan atau sebab lain, yang penting semasa remaja menonton televisyen di rumah sesuatu yang bermanfaat dapat diterima oleh remaja tidak kira apa rancangan yang mereka tontoni.

Ini boleh dilakukan jika pihak kerajaan dapat menuahkan satu Majlis Kebangsaan Penasihat Media Massa untuk digerakkan sebagai badan bebas untuk menyelia rancangan - rancangan yang hendak disiarkan oleh pihak pengurusan televisyen kerajaan mahupun swasta. Badan ini akan bertanggungjawab untuk memastikan hanya rancangan - rancangan yang mempunyai implikasi positif terhadap masyarakat sahaja dapat disiarkan di kaca televisyen.

Selain itu remaja di luar bandar berpendapat rancangan - rancangan remaja yang terdapat hari ini amat kurang dan perlu dibanyakkan lagi siarannya. Ini jelas terbukti apabila sejumlah 83.4 % remaja di luar bandar berpendapat perlunya rancangan - rancangan remaja dibanyakkan di hujung minggu.

Ini jelas membuktikan bahawa remaja peka terhadap keperluan rancangan remaja agar diperbanyakkan lagi, bagi memenuhi cita rasa remaja. Ini boleh dilakukan dengan memberikan lebih banyak peluang kepada pengusaha atau penerbit rancangan remaja untuk mendapat keutamaan dalam slot masa

tayangan di televisyen. Jadi dengan memberikan skim galakan kepada penerbit dan pengusaha filem maka masalah kekurangan rancangan remaja di televisyen akan dapat diatasi.

Di samping itu sejumalah 40.0 % remaja berpendapat menonton televisyen sekurang - kurangnya dapat mengisi masa lapang mereka. Melalui temu bual yang dijalankan, remaja menonton televisyen selepas mereka melakukan kerja - kerja rumah seperti mengemas rumah, membasuh pakaian, menyapu dan memasak terutamanya bagi remaja perempuan.

Di samping itu remaja juga menonton televisyen bersama keluarga di waktu - waktu tertentu iaitu pada sebelah malam. Jadi ada remaja yang akan menggunakan masa lapang untuk menonton bersama keluarga.

Oleh yang demikian adalah baik jika pada waktu malam ada disiarkan rancangan - rancangan yang dapat memberikan contoh dan tauladan bagi sesebuah keluarga yang harmoni. Cerita tentang kasih sayang antara ahli keluarga, jiran tetangga mahupun masyarakat tempatan yang saling bekerjasama dan bantu membantu perlu diperbanyakkan lagi.

Jelas remaja dan televisyen sebenarnya tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan mereka seharian. Sama ada menonton rancangan remaja atau tidak setiap hari remaja akan menonton televisyen. Maka adalah menjadi tanggungjawab bersama iaitu ibu bapa, remaja, masyarakat dan pihak media massa agar prihatin terhadap rancangan - rancangan yang disiarkan di kaca televisyen. Melalui kerjasama yang erat daripada semua pihak maka sebarang masalah yang berkaitan dengan rancangan televisyen akan dapat diatasi bersama jika semua pihak memberikan komitmen yang padu.